

KAJIAN KEMUNGKINAN MEWUJUDKAN SETIAUSAHA KOPERASI BERLESEN

AISHAH ARIFFIN

NASIBAH AHMAD

ROHALINDA AHAD

NOR ARMA ABU TALIB

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian ini melibatkan seluruh koperasi dewasa dengan melibatkan koperasi besar, sederhana, kecil dan mikro. Sebanyak 687 buah koperasi telah dipilih mewakili 310 buah koperasi besar dan sederhana serta 377 buah koperasi koperasi kecil dan mikro. Responden kajian terdiri daripada tiga jawatan utama Lembaga Koperasi iaitu Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari serta Pengurus Koperasi. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah perbincangan kumpulan fokus (*Focus group discussion*) yang melibatkan tiga buah koperasi yang menggunakan khidmat kesetiausahaan daripada firma luar yang dilantik sendiri oleh koperasi. Perbincangan kumpulan fokus ini telah diadakan untuk mendapatkan maklumat bagi menyokong dapatan daripada soal selidik yang diedarkan melalui pos.

Dapatan kajian secara umumnya telah menemukan beberapa faktor yang menjadi cabaran utama kepada setiausaha koperasi untuk menjalankan tugas mereka secara berkesan. Antara faktor-faktor tersebut adalah seperti kekangan masa menjalankan tugas-tugas setiausaha koperasi dengan tugas hakiki mereka (61.5%). Faktor-faktor lain yang juga menyumbang kepada cabaran tugas setiausaha koperasi adalah elaun yang tidak setimpal dengan bebanan kerja (35.6%) dan tugas setiausaha yang terlalu membebankan (32.7%).

Analisis tabulasi silang telah dilakukan secara berasingan di antara setiausaha koperasi dan Lembaga dari koperasi besar dan koperasi kecil bagi mendapatkan maklumbalas penerimaan SKB. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua ALK bagi koperasi besar (50.0%) dan kecil (60.0%) bersetuju mewujudkan jawatan SKB di koperasi masing-masing dengan sebahagian

tugas setiausaha diambil alih oleh SKB. Kajian mendapati terdapat perbezaan antara setiausaha di koperasi besar (47.7%) iaitu mereka tidak bersetuju diwujudkan jawatan SKB manakala setiausaha di koperasi kecil (45.2%) bersetuju mewujudkan jawatan SKB di koperasi masing-masing dengan sebahagian tugas setiausaha diambil alih oleh SKB.

Perbincangan kumpulan fokus yang telah dilakukan terhadap tiga buah koperasi iaitu Koperasi Pekerja Majlis Perbandaran Melaka Berhad, Koperasi Pekerja-Pekerja Kumpulan Sokongan Melaka Berhad dan Koperasi Kakitangan Perubatan dan Kesihatan Melaka Berhad yang menggunakan khidmat kesetiausahaan daripada sebuah firma setiausaha syarikat yang sama. Firma setiausaha tersebut adalah Syarikat UMG Sdn. Bhd. Syarikat ini telah memberi khidmat kesetiausahaan lebih daripada 10 tahun kepada ketiga-tiga koperasi. Antara perbezaan yang ditemui ialah dari sudut caj yang dikenakan adalah mengikut kemampuan koperasi dan kerja-kerja yang dijalankan bergantung kepada keperluan koperasi.

Secara keseluruhannya, daripada penemuan-penemuan yang diperolehi menunjukkan SKB boleh diwujudkan dengan hanya mengambil sebahagian sahaja tugas setiausaha koperasi. Jika SKB diwujudkan, perhatian perlu diberikan terhadap kemampuan kewangan koperasi kecil terhadap kos perkhidmatan SKB. Walau bagaimanapun, ia tidak melibatkan koperasi besar kerana koperasi mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kesetiausahaan dengan bantuan daripada kakitangan koperasi.